

# Keperluan Zikir dalam Pembelajaran Menurut Kitab *Tanwirul Qulub*

**BITARA**

Volume 5, Issue 3, 2022: 137-145  
 © The Author(s) 2022  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
 Received: 29 Jun 2022  
 Accepted: 11 September 2022  
 Published: 30 September 2022

## [The Need for Zikir (Remembrance) in Learning According to Kitab *Tanwîrul Qulûb*]

Subaidi<sup>1</sup>, Rahimah Embong<sup>2\*</sup>, Slamet Untung<sup>3</sup>, Yahya Don<sup>4</sup>,  
 Azzah Nor Laila<sup>1</sup> & Alex Yusron Al Mufti<sup>1</sup>

1 Universitas Islam Nahdlatul Ulama Jepara, Indonesia.

E-mail: subaidi@unisnu.ac.id; azzah@unisnu.ac.id; goesxela@gmail.com

2 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

E-mail: rahimahembong@unisza.edu.my

3 Universitas Islam Negeri K.H. Abdurrahman Wahid Pekalongan, Indonesia.

E-mail: untung@iainpекалongan.ac.id

4 Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, 06010 Bukit Kayu Hitam, Kedah, MALAYSIA.

E-mail: d.yahya@uum.edu.my

\* Corresponding Author: rahimahembong@unisza.edu.my

### Abstrak

Zikir adalah sebahagian daripada ibadat yang digalakkan dalam Islam. Banyak ayat al-Qur'an dan Hadith Nabi SAW (sallallahu 'alaihi wa al-salam yang memberikan penjelasan terkait dengan kepentingan, pelaksanaan dan kelebihan atau fadilat zikir. Makalah ini meninjau keperluan zikir dalam pembelajaran berdasarkan manuskrip kuno iaitu kitab *Tanwîrul Qulûb*. Berdasarkan analisis, kitab ini ditulis oleh Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi yang lahir sekitar abad ke-13 di kota Ibril dekat kota Moshul Iraq. Penelitian ini mendapati bahawa zikir bukan hanya dituntut kepada semua umat Islam, melainkan ia menjadi keperluan amat penting bagi para pelajar sewaktu proses pembelajaran. Salah satu tuntutan zikir adalah menguatkan ingatan dan juga membawa kemurahan rezeki. Beberapa adab dari pada zikir telah dikemukakan dalam kitab ini sebagai panduan para penuntut ilmu pengetahuan. Perbincangan terkait dengan keperluan zikir dalam kitab ini adalah selaras dengan pemikiran para ulama sebelumnya, utamanya terkait dengan adab bagi penuntut ilmu dalam tradisi pendidikan Islam dan memberikan pemahaman bahawa zikir adalah amat penting dalam kehidupan para pelajar, agar mereka menjadi ilmuwan di kemudian hari.

**Kata kunci:** zikir, pelajar, tanwîrul qulûb, kajian manuskrip kuno.

### Abstract

Zikr(remeberance) is one part of rituals that is encouraged in Islam. Many verses of the Qur'an and Hadith of the Prophet SAW. which provides an explanation related to the very importance, the implementation and the advantages of remembrance. This study aims to review the need for remembrance in learning based on an ancient manuscript namely the book of Tanwîrul Qulûb. Based on the analysis, this book was written by Sheikh Muhammad Amin al-Kurdi who was born around the 13th century in the city of Ibril near the Iraqi city of Moshul. This study found that remembrance is not only required of all Muslims, but it becomes a very important requirement for students during the learning process. One of the goals of remembrance is to strengthen memory and also bring generosity of sustenance. Some adab of remembrance has been put forward in this book as a guide for students of knowledge. The discussion related to the need for remembrance in this book is in line with the thoughts of previous scholars, mainly related to adab for students of knowledge in the Islamic

education tradition and provides an understanding that remembrance is very important in the lives of students, so that they become scientists in the future.

**Keywords:** remembrance, students, tanwîrul qulûb, ancient manuscript studies.

**Cite This Article:**

Subaidi, Rahimah Embong, Slamet Untung, Yahya Don, Azzah Nor Laila & Alex Yusron Al Mufti. (2022). Keperluan Zikir dalam Pembelajaran Menurut Kitab Tanwirul Qulub [The Need for Zikir (Remembrance) in Learning According to Kitab Tanwîrul Qulûb]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(3): 137-145.

## Pengenalan

Salah satu ibadat yang disyariatkan dalam Islam adalah zikir. Banyak ayat al-Qur'an dan hadith Nabi Muhammad SAW. yang menjelaskan tentang perlunya zikir, tata caranya, dan keutamaan dari pada zikir. Zikir amat dituntut bagi umat Islam, khususnya amat penting bagi para pelajar. Zikir bermaksud suatu perbuatan mengingati Allah dengan menyebut beberapa kalimah tertentu. Ia juga merujuk kepada menyebut-nyebut nama Allah dan mengingati-Nya sama ada secara jelas melalui lisan dan perkataan mahupun secara sembunyi di dalam hati (Mamat & Mohd Zarif, 2019). Zikir merupakan ibadat yang paling mulia dan agung, dan kesempurnaan zikir adalah penyucian dan pembersihan dari pada hati, di samping itu ia merupakan aktiviti guna mendekatkan diri kepada Allah.

Justeru, makalah ini meninjau keperluan zikir dalam pembelajaran menurut manuskrip *kuno*, iaitu kitab bertajuk *Tanwîrul Qulûb* hasil karya Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi. Kitab *Tanwîrul Qulûb* ini merupakan literatur terpenting dan terawal yang membicarakan tasawuf dalam bidang pendidikan Islam dan adab belajar secara khusus.

Karya ini adalah istimewa keberadaannya. Ini karena, kebanyakan manuskrip kuno membahaskan tajuk dan pembahasan mengenai kajian-kajian Islam dan adab belajar, dalam bab awal karya ini membahas tentang akidah, fiqh, tasawuf, iaitu karya kuno yang ditulis seorang Syeikh yang lahir sekitar abad ke-13 di kota Ibril dekat kota Mawsul Iraq (al-'Arif, 1995).

*Tanwîrul Qulûb* ini merupakan manuskrip kuno yang unik dan amat sesuai dikaji dan diketengahkan isi kandungannya. Sebagai fokus penulisan artikel ini, aspek keperluan zikir semasa belajar sebagai salah satu adab pelajar akan dianalisis lebih mendalam termasuk kelebihan, adab zikir dan pula kalimat-kalimat zikir yang utama untuk pelajar. Beberapa kutipan teks terpilih daripada kitab *Tanwîrul Qulûb* juga di salin dan dikutip dalam makalah ini untuk menjelaskan lagi fokus dan tajuk penulisan.

## Konsep dan Kegiatan Zikir

Zikir berasal dari bahasa Arab: ذِكْرٌ - ذَكْرٌ yang bererti mengingat ataupun menyebutkan sesuatu. Secara umum zikir mencakup seluruh elemen syariat baik perintah maupun larangan, namun erti zikir secara khusus (*specific*) adalah melafazkan lafadz-lafadz yang mengandung makna zikir dalam Syariat semisal: *tasbih*, *tahlil* dan *tahmid*. Zikir merupakan salah satu metode yang dipergunakan oleh para ulama sufi untuk dapat menghidupkan hati dari

kematiannya karena hati yang tidak mengingat akan keagungan Allah SWT. dianggap mati oleh para sufi. Berzikir dapat menyadarkan seseorang akan keberadaan Tuhan yang hakiki. Zikir itu diibaratkan bagaikan pohon kayu, semakin kuat akarnya maka pohon kayu itu pun semakin kuat dan kukuh, tinggi dan rendang, sehingga menghasilkan buah yang banyak. Demikian juga halnya dengan zikir, semakin kuat zikirnya seseorang maka semakin mantap keyakinannya kepada Allah SWT (Muhammad Nur, 2017).

Istilah zikir itu sendiri mengandung makna menghadirkan hati dalam setiap ucapan, maka zikir kepada Allah ertinya menghadirkan hati pada setiap ucapan ketika bertasbih, bertahmid dan bertakbir kepada Allah dan kata (قِيَامًا وَقَوْدًا وَعَلَى جُنُوبِهِ) ketiganya merupakan hal yang berada pada setiap manusia, ertinya semua keadaannya (Agus, 2020).

Zikir adalah merupakan gerbang utama menuju perjumpaan seorang hamba dengan Allah. Menurut Imam al-Qusyairi, tidak ada jalan terbaik bagi orang yang ingin berjumpa dengan Allah kecuali melalui zikir. Sebab, zikir adalah tiang utama yang kukuh dan sekaligus sebagai gerbang utama menuju Allah SWT (Mustaqim, 2015).

KH. Mawardi Labay El Sulthani memberi maksud; zikir' adalah ingat. Dalam erti yang lebih luas, zikir ialah sikap seseorang secara total yang selalu ingat kepada ajaran Allah SWT. Ingat kepada Yang Maha Kuasa yang telah menciptakan manusia dengan segala kemudahannya yang berlimpah ruah, yang jumlahnya tak terbilang. Secara tekstual, Kitab Suci al-Qur'an memberi petunjuk, bahawa zikir tidak mengenal ruang dan waktu. Di dalam situasi dan keadaan apapun, manusia dianjurkan dan diperintahkan untuk berzikir kepada Allah, baik ketika berdiri/berjalan, ketika duduk dan ketika berbaring. Ertinya, selagi jantung masih berdenyut dan nafas masih berhembus, seseorang diwajibkan untuk berzikir, berdoa, dan berusaha untuk mencapai hidup yang berjaya dan selamat, bahagia dunia dan akhirat (El-Sulthani, 1999).

Urgensi zikir bagi seorang muslim adalah sebagai sarana komunikasi untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT (Bastaman, 1997 & Ariyanto, 2002), mendatangkan kebahagiaan, mewujudkan tanda baik sangka kepada Allah, menghasilkan rahmat dan inayah Allah, memperoleh sebutan yang baik daripada Allah, melepaskan diri daripada azab Allah, memelihara diri dari kecemasan dan membentengi dari dosa, mendatangkan kebahagiaan, mencapai darjat yang tinggi di sisi Allah, menghilangkan kekeruhan jiwa, melepaskan diri dari rasa sesal, memperoleh penjagaan dari para malaikat, menghasilkan kemuliaan dan kehormatan, menghasilkan ampunan dan keredaan Allah, dikasihi oleh para nabi dan para mujahidin (Ash-Shiddiqy, 1971).

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa zikir ini amat digalakkan dalam Islam berdasarkan pelbagai dalil dari pada al- Quran dan hadith Nabi SAW (Agus, 2020).

Di sebalik galakan dan saranan daripada al-Quran dan hadith ini, tentunya zikir mempunyai banyak kelebihan tersendiri (Quran al-Ahzab 33:35). Para ulama telah menyenarai pelbagai kelebihan zikir ini antaranya ialah zikir mendapat pahala dan keampunan Allah. Sebagaimana Surah *al-Ra'd* (13): 28, zikir menyucikan hati dan memberi ketenangan (Mamat & Mohd Zarif, 2019), dan sebagaimana dalam Surah *al-A'rāf* (7): 205, bahawa zikir mengelakkan lalai dan menggalakkan taubat, zikir melemahkan dorongan nafsu dan syaitan, zikir mengukuhkan iman, zikir menyucikan hati dan sebagainya (Mamat & Mohd Zarif, 2019).

Berdasarkan kajian ini, amat penting makalah ini membincangkan keperluan zikir kepada para pelajar menurut manuskrip kuno, khususnya zikir yang berkait langsung dengan pembelajaran. Sebab zikir merupakan salah satu adab yang perlu di laksanakan oleh para pelajar

sebagaimana yang dijelaskan dalam kajian Pendidikan Islam seperti Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi al-Dimisyqi, Imam Nawawi, Syeikh Hasyim Asy'ari, al-Zarnuji. *Malah* Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi al-Dimisyqi menjelaskan perihal zikir bagi pelajar ini secara khusus iaitu dengan mengutip firman Allah SWT. iaitu: **فَلَا تَنْكِرُونِي أَذْكُرْمَكُمْ** ertinya: berzikirlah kepada-Ku, nescaya Aku akan ingat kepadamu. Dalam paparan ayat lain juga mengutip firman Allah: **أَذْكُرُو اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا** ertinya: berzikirlah kepada Allah dengan zikir yang sebanyak-banyak zikir (al-Dimisyqi, (t.t.).

Jadi amat sesuai dengan keadaan pelajar yang mencari ilmu pengetahuan supaya apa saja yang dipelajari bisa dipahami secara mudah. Namun, apakah keperluan dan jenis zikir yang utama diamalkan oleh para pelajar? Oleh karena itu, artikel ini mengemukakan perbincangan terkait dengan pentingnya zikir berdasar manuskrip *kuno*: kitab *Tanwirul Qulub* karya Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi.

## Pengenalan Manuskrip Kitab *Tanwirul Qulub*

*Tanwîrul Qulûb* merupakan salah satu kitab yang sering dikaji para pelajar khususnya pada Pondok Pesantren *Salafiyah* di Jawa, dan para pelajar di Madrasah atau di sekolah Islam. Aspek fizikal kitab ini terdiri 560 halaman, berkulit jilid dengan warna hijau dengan ketebalan 4 cm, berukuran panjang 23 cm, lebar 14 cm. Kitab ini ditulis atas kertas warna putih dengan margin kanan-kiri 4 cm, sedang bahagian atas-bawah 4 cm. Secara umum, tatatulis dalam kitab ini berwarna hitam berbahasa Arab, dengan merujuk pada ayat-ayat al-Qur'an dan hadis.

Dari aspek kandungan kitab *Tanwirul Qulub* ini terdiri dari beberapa bab utama, seperti: *Pertama*, bab 1: pembahasan *aqidah diniyah*. Bab ini membahas tentang sifat-sifat Allah SWT. iaitu sifat wajib bagi Allah SWT. berbilang 20 sifat, sifat Muhal bagi Allah SWT. berbilang 20 sifat dan sifat jaiz bagi Allah SWT. berbilang 1 sifat iaitu *fi'lul kulli mumkinin aw tarkuhu*. Aqidah yang diajarkan kepada para pelajar dalam kitab ini adalah pengkajian akidah *Ahlussunnah wal Jama'ah* al-Asy'ariyah dan al-Maturidiyah, dengan mengambil dalil-dalil aqli dan naqli serta menolak syubhah yang munculkan oleh ajaran sesat di luar akidah *Ahlussunnah wal Jama'ah* al-Asy'ariyah dan al-Maturidiyah.

*Kedua*, bab 2: pembahasan fiqh. Pada bahagian ini penulis manuskrip ini secara lengkap semua urusan hukum Islam merujuk kepada ajaran fiqh Imam Syafi'i disertakan dalil-dalil pendukung dari ayat al-Qur'an dan hadis Nabi SAW.

*Ketiga*, bab 3: pembahasan tasawuf. Sedangkan dalam bab ini, dibahas pokok-pokok pembahasan tasawuf, seperti fasal-fasal sebagai berikut: 1) fasal keutamaan auliya' dan karamahnya, 2) fasal taubat, 3) fasal tipuan dunia dan panjang angan-angan, 4) fasal yang berisi: tawakal, berserah diri, ikhlas, dan *mahabbah*, 5) *khalwah*, dan 6) fasal zikir qalbi dan keutamaannya, termasuk adab pelajar bersama guru, diri sendiri, dan kepada sesama muslim.

Berdasarkan analisis dijumpai pada teks kitab *Tanwîrul Qulûb* ini yang terakhir menganjurkan seyogyanya pelajar mengetahui silsilah guru-gurunya melalui tarekat al-Naqsyabandiyah al-'Aliyah dan kaifiyat zikir dalam tarekat tersebut. Menarik untuk diperhatikan bahawa pelajar hendaknya mempunyai adab sehubungan dengan sesama guru, kawan, dan kaum muslimin secara amah. Serta tata cara berzikir bagi para pelajar yang berkeinginan *wushul* kepada Allah SWT.

Keperluan zikir dalam pembelajaran berdasarkan manuskrip *kuno*: *Tanwîrul Qulâb* menjadi salah satu keperluan yang amat penting kepada para pelajar yang sedang mencari ilmu. Ia menjadi perbekalan rohani sebagai wasilah agar dipermudah dalam mencari dan menuntut ilmu Allah SWT., utamanya agar dikuatkan ingatan para pelajar tersebut. Dalam kitab ini, Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi antara lain juga menjelaskan keperluan zikir kepada Allah SWT., taubat, syukur, dan reda kepada-Nya.

Selanjutnya dikemukakan kepentingan zikir, lafaz, dan kelebihannya kepada para pelajar berdasarkan kitab *Tanwîrul Qulâb*. Dengan ini penulis menukil teks asal dalam kitab dan terjemahnya sebagai berikut:

وأول قدم يضعونه في الذكر القلب وهو المرتبة الثانية من مراتب الذكر في سائر الطرائق – إلى أن قال  
..... إن حقيقة الذكر هو طرد الغفلة، وله مراتب : الأولى ذكر اللسان وله شواهد في الكتاب والسنة

Ertinya: awal para guru meletakkan dasar zikir adalah zikir dalam hati, ia merupakan tingkat kedua dari beberapa tingkatan zikir dalam jalan tasawuf, sampai pada perbincangannya... bahawa hakikat zikir itu menolak lalai, dan zikir itu ada beberapa martabat, yang permula adalah zikir dengan lisan, ia mempunyai beberapa pedoman baik dalam kitab al-Qur'an maupun hadits (al-'Ariff, 1995).

Ringkasnya, zikir itu ada dua cara, pertama boleh dilakukan dengan cara lisan, dan yang kedua bisa dilaksanakan melalui hati sanubari. Nukilan di atas bisa dipahamkan bahawa pentingnya zikir melalui hati. Sebagaimana di bahaskan oleh Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi berikut:

اعلم أن الذكر نوعان : قلبي ولساني وكل منها شواهد من الكتاب والسنة – فالذكر اللساني باللفظ  
المركب من الأصوات والحرروف لا يتيسر للذاكر في جميع الأوقات فأن البيع والشراء ونحوهما يلهمي  
الذاكر عنه البتة – بخلاف الذكر القلبي فإنه بمحاجة مسمى ذلك اللفظ المجرد عن الحرروف والآصوات  
وإذا فلا شيء يلهمي الذاكر عنه

Ertinya: ketahuilah bahawa sesungguhnya zikir itu ada macam, iaitu sebangsa hati dan sebangsa lisan, keduanya mempunyai dalil dari kitab al-Qur'an dan sunnah, adapun zikir sebangsa lisan menggunakan lafaz tersusun dari suara dan huruf yang tidak mudah bagi orang berzikir dilaksanakan dalam banyak waktu, karena sesungguhnya dalam konteks akad jual beli dan sepadan menjadikan lalai berzikir secara pasti. Berbeza dengan bentangan zikir sebangsa hati, ia selalu melirik kepada Zat seperti halnya yang ia sebut-sebut, jauh dari huruf-huruf dan suara-suara, maka dari situ tidak ada hal yang bisa melalikan bagi orang yang berzikir (al-'Ariff, 1995).

Teks di atas jelas sekali menggambarkan tentang metode zikir dalam hati yang dipopularkan (amalkan) oleh penulis iaitu Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi, berzikir dengan hati merupakan salah satu metode untuk menyembuhkan pusat sentral spiritual manusia. Oleh

sebab itu, Allah SWT. memerintahkan untuk berzikir dengan hati. Di samping itu, berzikir juga memiliki etika yang baik, agar tidak melampaui batas kewajaran (Muhammad Nur, 2017).

Pada baris lain penulis kitab ini juga menuturkan dengan menukil daripada sebahagian *al-'Arifin*:

الذكى بالقلب سيف المرىدين ، به يقاتلون اعدائهم وبه يدفعون الافات التى تقصدهم وان البلاء اذا دخل  
على العبد وفرع بقلبه الى الله تعالى يمنع فى الحال كل ما يكرهه

Ertinya: zikir melalui hati merupakan pedang agama, yang mampu membunuh musuh musuhnya dan dengan zikir mampu menolak semua percubaan dan ujian yang sengaja mengenainya, dan sesungguhnya bala' atau ujian ketika menimpa seorang hamba menggoncang hatinya ke hadirat Allah SWT dan Allah akan menangkal seketika itu (al-'Āriff, 1995).

Hal tersebut, mengisyaratkan bahawa zikir adalah suatu upaya yang sungguh-sungguh untuk menghadirkan peran Tuhan Allah SWT. dalam hati dan kehidupan sehari-hari baik ucapan, perkataan dan perbuatan. peran pendidikan adalah menghadirkan peran Tuhan Allah SWT. dalam setiap aktiviti pembelajaran pelajar baik pada ranah kurikulum, sarana prasarana, kegiatan belajar-mengajar, dan lingkungan sekolah/ madrasah sehingga tidak terlepas dari nilai-nilai ke-Tuhanan iaitu Allah SWT (Agus, 2020).

Berhubungan dengan adab pelajar terhadap diri sendiri, Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi membahaskan antara lain sebagai berikut:

واعظمها ان يلا حظ ان الله نا ظر اليه ومطلع عليه فى جميع الاحوال فيشتغل بذكره قلبا دائمما ماشيا  
كان او قاعدا او مشتغل بصنعة لانها لا تمنعه عن الذكر بمعنى ان يجري لفظ الجلالة على قلبه

Ertinya: Dan keagungan adab pelajar terhadap dirinya adalah selalu melirik bahawa Allah selalu mengawasi kepadanya dalam setiap *ikhwal*, maka hendaknya hatinya selalu sibuk dengan zikir yang dilakukan masa berjalan mahupun duduk sambil bekerja, karena semuanya tidak menjadi penghalang berzikir dengan cara melafazkan kalimat *al-Jalalh* (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) dalam hatinya (al-'Āriff, 1995).

Jadi, para pelajar yang sedang menuntut ilmu pengetahuan selalu digalakkan untuk zikir dengan melafazkan kalimat *al-Jalalh* iaitu لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dengan harapan agar supaya Allah SWT. selalu memberikan kemudahan dalam segala urusan mereka.

Salah satu bagian dari adab para pelajar tersebut adalah:

ومنها ان يترك اصحاب السوء ويجالس الاخيار – قيل اوحى الله تعالى الى موسى عليه السلام: لا تجالس  
أهل الهوى فيحدثوا في قلبك مالم يكن – فصحبة الاخيار تورث الخير وصحبة الاشرار تورث الشر

Ertinya: Salah satu dari beberapa adab pelajar ialah menjauhi kawan-kawan yang berperangai buruk dan bersahabat dengan kawan yang pilihan (berperangai baik) – dikatakan bahawa Allah SWT. memberi wahyu kepada Nabi Musa AS.

Iaitu: janganlah berduduk sesama ahli pengikut hawa nafsu, mereka akan berbisik di hatimu segala sesuatu yang tidak ditemui – sedangkan berkawan dengan orang-orang pilihan (berperangai baik) akan mengarahkan kepada perilaku baik, sedang berkawan orang berperangai buruk akan menjadikan keburukan (al-'Āriff, 1995).

Sebagai lanjutan dari pada adab pelajar seterusnya adalah:

ومنها ان يصون لسانه عن لغو الحديث وقلبه عن جميع الخواطر فان من حفظ لسانه واستقام قلبه  
انكشف له الاسرار

Ertinya: Salah satu dari beberapa adab pelajar ialah menjaga lisannya dari perbincangan yang tidak berguna atau tidak ada kegunaannya, menjaga hati dari seluruh yang bisa mengganggu hati, karena sesungguhnya oran yang mampu menjaga lisan dan istiqamah hatinya, maka akan terbuka rahsia-rahsia Allah SWT untuknya.

Oleh yang demikian, maka kiranya sangat penting dalam menggalakkan keperluan zikir bagi para pelajar sekiranya bisa mempermudah urusan mereka, terutama dalam memperoleh dan penuntutan ilmu pengetahuan yang mereka hadapi. Hal ini selaras dengan pembahasan Imam Ghazali yang menyangkut keutamaan zikir, iaitu dalam melaksanakan zikir ada empat, iaitu pertama, memperoleh ampunan, kedua menjadikan orang tidak mudah lupa dan lalai, ketiga memberikan dorongan dan semangat dalam menghadapi masalah kehidupan, dan keempat menenteramkan jiwa (Nurmeiyati, 2022). Dalam konteks ini, melalui memperbanyak zikir, para pelajar tidak mudah lupa dan lalai, selalu bersemangat dalam menuntut ilmu, dan jiwa mereka akan mengalami ketenteraman.

Sehingga bisa selaras dengan pemikiran Ibnu Khaldun bahawa ada tiga tingkatan daripada tujuan pendidikan yang hendak dicapai dalam proses pembelajaran, iaitu salah satu adalah pengembangan *malakh*, dalam konteks ini adalah mengandung makna “Menjadikan sesuatu dimiliki atau dikuasai, suatu sifat yang mengakar pada jiwa”. Ibnu khaldun mendefinisikan *malakah* iaitu, sifat yang berurat berakar, sebagai hasil belajar atau mengerjakan sesuatu berulang kali, sehingga hasil pekerjaan itu dengan kukuh tertanam dalam jiwa. Malakah dalam proses belajar adalah suatu tingkat pencapaian (*achievement*) daripada penguasaan materi keilmuan, keterampilan dan sikap tertentu akibat dari suatu proses belajar secara intensif, bersungguh-sungguh dan sistematis (Maisaroh, 2017).

## **Judul Ringkasan Adab, Lafadz Zikir, kaifiyat dan Fadilahnya untuk Pelajar dan Tata Caranya**

Sebagai ringkasan dan untuk merumuskan adab zikir yang perlu untuk pelajar, kaifiyat dan kelebihannya di bawah:

Jadual 1: Adab Zikir, kaifiyat dan kelebiahannya (Sumber (al-‘Āriff, 1995)

No	Lafaz/ Aktivitas/ Ibadat	Kaifiyat	Fadilah
1	ذکر : لا اله الا الله	Suci / berwuduk	Melebur dosa
2	Shalat	Dua rakaat sebelum zikir	Mendekatkan diri kepada Allah
3	Menghadap kiblat	Zikir di tempat Sepi	Besok hari Kiamat memperoleh Payung
4	Duduk sebalik duduk tawaruk	Duduk dekat dengan tawaduk' dan merapatkan pancaindera	Fokus zikir kepada Allah
5	استغفر لله	25 kali bacaan	Diper mudahkan urusannya dan memperoleh rezeki yang tidak disangka-sangka
6	سورة الفاتحة – سورة الا خلاص	3 kali bacaan	Kepada Nabi SAW. dan Guru Sufi
7	ذکر : لا اله الا الله	Memejamkan mata	Khusyuk'
8	Ingat kematian	Mengingati mati	Ingat Allah
9	Ingat Guru	Mengingati Guru	Memperoleh berkah guru
10	ذکر : لا اله الا الله	Fokus dalam hati	Bertaqarrub kepada Allah
11	ذکر : الله ناظرى الله حاضرى	3 kali bacaan, Menunggu datangnya warid	Tenang hati

## Kesimpulan

Zikir merupakan sebahagian ibadat yang diperintahkan dalam ajaran Islam. al-Qur'an dan hadis amat menganjurkan perlunya berzikir secara terus menerus kepada Allah SWT. dalam keadaan apa pun umat manusia yang beriman diperlukan untuk zikir, terutama para pelajar agar memperoleh anugerah Allah SWT. dan dimudahkan urusan mencari ilmu, serta dijauhkan dari malapetaka di dunia dan di akhirat nanti. Hal demikian diterangkan oleh para pakar Muslim dan mereka menegaskan bahawa zikir merupakan salah satu adab yang perlu dilangsungkan diistiqamahkan oleh pelajar guna mendalami ilmu pengetahuan yang ditempuhnya. Hal ini dapat dilihat dalam perbincangan dalam manuskrip *kuno* : iaitu kitab *Tanwîrul Qulûb* karya Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi. Selain itu, aspek zikir dan keperluan para pelajar semasa proses menuntut ilmu, mereka juga diperintahkan secara bersungguh-sungguh agar berzikir kepada Allah. Beberapa lafaz zikir telah dikemukakan dalam kitab ini sebagai panduan para pelajar untuk membantu ingatan dan limpahan berkah daripada Alah SWT. melalui guru-guru mereka yang telah membimbingnya. Pembahasan tentang keperluan zikir dalam kitab ini selaras dengan karya-karya ulama *Ahlussunnah wal Jam'ah* lainnya, terutama berhubungan dengan adab bagi pelajar yang menuntut ilmu dalam tradisi pengkajian Islam dan mendeskripsikan bahawa zikir itu penting untuk dilaksanakan dalam kehidupan sehari hari.

Adab ini yang menjadi pegangan dan panduan bagi para pelajar pada lembaga pendidikan Islam pada era sekarang ini.

## Rujukan

- Agus Jamaludin. 2020. Konsep Zikir (studi analisis al-Quran). *Geneologi PAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam* 7(1): 29–32,
- Ali Maksum dan Luluk Yunan Ruhendi. 2003. *Paradigma Pendidikan Universal di Era Modern dan Post-Modern*. Yogyakarta: IRCiSoD.
- Ariyanto, M.D. 2002. Dzikir dan Kesehatan Mental. *Jurnal Penelitian Keislaman Ishraqi*, 1(1), 1–15.
- Ash-Shiddiqy, T.M.H. 1971. *Pedoman Dzikir dan Do'a*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Bastaman, H.D. 1997. *Integrasi Psikologi dengan Islam, Menuju Psikologi Islami*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- al-Dimashqi, Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi. t.th. *Mauidlotul Mu'minin min Ihya' 'Ulumuddin*. Beirut: Dār al-Fikr.
- El-Sulthani, Mawardi Labay. 1999. *Zikir dan Do'a Dalam Kesibukan (Membawa Umat Supaya Sukses dan Selamat)*. Jakarta: al-Mawardi Prima.
- al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. 1999. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, ed. Jamal Mahmūd & Muḥammad Sayyid, Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth.
- al-Ḥākim. Su'ād. 1981. *Mu'jam al-Ṣūfī*. Beirut: Dandarah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Ilyas, R. 2017. Zikir dan Ketenangan Jiwa: Telaah atas Pemikiran al-Ghazali. *Mawa'izh*, 8(1), 90–106.
- al-Irbili, al-Ārif bi Allah Maulana Syaikh Muhammad Amin al-Kurdi. 1995. *Tanwīr al-Qulūb fi Mu'amalāt 'Allam al-Ghuyub*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Maisaroh. 2017. Konsep Pendidikan Islam Menurut Ibnu Khaldun dan Relevansinya Terhadap Pelaksanaan Pendidikan Islam di Indonesia. *Studi Multidisipliner: Jurnal Kajian Keislaman* 4(1), 25–50.
- Mamat, M.A. dan Mohd Zarif, M.M. 2019. Keperluan Zikir Dalam Pembelajaran Menurut Manuskrip Melayu: Kajian Terhadap MSS 2906 (B) Tibyān al-Marām (The Importance of Dhikr in Learning According to Malay Manuscript: A Study on MSS 2906 (B) Tibyān al-Marām)," *Journal of al-Tamaddun* 14 (1), 37–51.
- Muhammad Nur, F. 2017. Perspektif zikir di kalangan sufi. *Substantia* 19 (2), 189–198.
- Munawwir, A.W. 1997. *Kamus al-Munawwir*. Surabaya: Pustaka Progressif.
- Mustaqim. 2015. Pemikiran Islam Kontemporer (Konsep Zikir Allah Dan Urgensitasnya Dalam Masyarakat Modern), *al-Mabsut: Jurnal Studi Islam dan Sosial* 3 (2), 1–24.
- al-Nawāwī, Yahyā Sharaf. t.th. al-Adhkār. Fatani: Matba'ah Bin Halabi.
- Nurmeiyati. 2022. Pendidikan Anak dalam Prespektif Islam. *Waladuna: Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini* 5(1), 11–24.